

Strategi Pelajar Pasca Siswazah Menyelesaikan Pengajian: Kajian di Universiti Awam

Abdul Munir Ismail
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji strategi pelajar pasca siswazah menyelesaikan pengajian mereka pada waktu yang ditetapkan oleh universiti. Terdapat sebilangan pelajar tidak berupaya menghabiskan pengajian mereka dan berisiko disingkirkan dari universiti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Temubual merupakan eleman utama bagi mendapatkan data dan maklumat responden. Responden terdiri daripada lima pelajar pasca siswazah. Data temubual kualitatif dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa strategi pelajar sering bersemuka dengan penyelia, pelajar sangat komited terhadap penulisan tesis dan ibubapa sering memberi sokongan moral kepada pelajar merupakan strategi berkesan. Selain itu, pelajar memiliki kewangan yang mencukupi merupakan strategi penting pelajar pasca siswazah menyelesaikan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti. Hasil kajian ini bermanfaat kepada penyelia tesis, pensyarah dan staf sokongan universiti bagi memberi sokongan moral agar pelajar bergraduat pada tempoh yang ditetapkan.

Keywords: Strategi, pasca siswazah, menyelesaikan pengajian.

Pendahuluan

Berdasarkan laporan Kajian Pengesanan Graduan 2018, pelajar Ijazah pertama yang melanjutkan pengajian peringkat sarjana berjumlah 67.5%. Manakala pelajar master melanjutkan pengajian Phd berjumlah 81.5% sahaja, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kenyataan ini juga merujuk kepada Statistik Kemasukan Pelajar Sarjana dan Phd, Jabatan Pengajian Tinggi 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia menjelaskan seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Kemasukan Pelajar Sarjana dan Phd di Malaysia

Bil.	Pengajian	Kategori IPT	Kemasukan	Enrolmen	Jumlah Keluaran
1.	Phd	IPTA	6,855	35,362	4,121
		IPTS	1,622	7,817	660
2.	Sarjana	IPTA	20,081	58,240	15,193
		IPTS	8,094	31,574	5,439

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelarasaran Dasar, KPM 2019

Bagi membiayai pembelajaran peringkat pasca siswazah, biasiswa dan pinjaman kewangan disediakan oleh institusi kewangan kepada pelajar yang berminat serta berkelayakan. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju, setaraf dengan negara maju lainnya yang mengutamakan

pendidikan tinggi, (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2018). Seperti yang diketahui umum bahawa pelaburan rakyat dalam pendidikan tinggi adalah sebagai pendorong utama untuk membantu negara Malaysia mencapai negara maju dalam pendidikan.

Perubahan pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia menuntut pelajar pasca siswazah mengubah minda mereka bahawa untuk menyelesaikan pengajian di peringkat sarjana (*master*) atau Phd adalah tidak merumitkan. Dengan syarat pelajar mengambil masa selama dua hingga lima tahun dan mereka perlukan teknik dan strategi yang berkesan bagi menyelesaikan tesis.

Berdasarkan Agensi Kelayakan Malaysia (2015), jumlah perkataan bagi tesis Master 150 patah dan Phd berjumlah 250 patah. Mengikut Agensi Kelayakan Malaysia (2015), calon sarjana (*master*) dan Phd perlu mengembangkan ilmu yang mereka kaji kepada masyarakat. Ilmu tersebut mencakupi bidang ilmu sains sosial, ilmu sains tulen dan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Asas pengetahuan pelajar peringkat siswazah ialah mereka berkebolehan melakukan penyelidikan, berkemampuan dalam menyampaikan komunikasi berkesan dan berkebolehan menerbitkan penulisan ilmiah menerusi penulisaan jurnal berindeks atau scopus. Justeru, menurut Marilyn Simon & Jim Goes (2013), mereka perlu belajar bekerja keras untuk mencapai tiga komponen tersebut iaitu keyakinan berkomunikasi bagi mempertahankan hasil kajian, mampu melakukan penyelidikan dengan baik dan berhasil menerbitkan penulisan jurnal berimpak tinggi. Di samping itu, J. Helmi (2015) menjelaskan pelajar pasca siswazah hendaklah memiliki nilai-nilai profesionalisme yang menarik, berakhhlak mulia, ada jati diri, memiliki bakat kepimpinan yang tinggi dalam profesionalisme dan menguasai penulisan dengan baik.

Masalah Kajian

Menurut Ismail, AM (2019) terdapat pelajar pascasiswazah tidak dapat menyelesaikan pengajian dan mereka perlu tambah semester bagi menyelesaikan pengajian. Antara sebab ialah kesukaran menyesuaikan waktu bersama penyelia, pelajar tidak serius dalam penulisan tesis dan masalah kewangan oleh pelajar. Sementara itu, Julita (2015) mengatakan terdapat pelajar pascasiswazah gagal dalam menyelesaikan pengajian mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Alasan gagal ialah tiada ada jadual bimbingan tesis, pelajar tidak serasi dengan penyelia, masalah kewangan, tiada sokongan moral dan pelajar tidak konsisten dalam penulisan. Menurut Yasmin H. A. & Anuar Ahmad (2017) dalam aspek kewangan, terdapat ramai pelajar pasca siswazah bekerja di pelbagai sektor sebagai sumber pendapatan bagi meneruskan pengajian mereka.

Methodology

Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif berstruktur bertujuan untuk mendapatkan hasil kajian secara terperinci lagi berkesan. Sampel kajian dipilih daripada pelajar Sarjana dan pelajar Phd. Kajian ini menggunakan pendekatan temubual separa berstruktur terhadap responden terpilih. Instrumen temubual dibina berdasarkan objektif kajian (Mohajan, 2018). Kriteria pemilihan pelajar berada pada semester dua ke atas, bidang sains sosial, pelajar sedang menggarap tesis dan masih belum tamat sesi pengajian. Masa sesi temubual antara 10 minit hingga 20 minit. Proses temubual dilakukan pada lokasi tertutup, sesuai dan selesa seperti bilik mesyuarat. Soalan diajukan kepada responden secara spontan dan berstrukur. Penyelidik meyakinkan responden bahawa kajian ini merupakan kajian ilmiah. Justeru, responden bebas menyatakan pandangan mereka tanpa prejudis. Penyelidik membuat rakaman suara menggunakan telefon pintar dengan persetujuan responden. Maklumat peribadi seperti nama

penuh, status perkahwinan, umur dan bidang pengajian turut dicatatkan untuk analisis secara menyeluruh. kaedah analisis data gabungan penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan (Wolf, D. M., & Phung, L. (2019). Nama responden ditulis sebagai R1 hingga R5 bertujuan untuk melindungi kepentingan mereka.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berikut dibincangkan dapatan kajian yang dikategorikan kepada empat strategi utama bagi pelajar pascasiswazah menyelesaikan pengajian.

Bersemuka dengan Penyelia

Menurut Darmono (2002), strategi pembelajaran secara bersemuka bersama penyelia tesis peringkat penentuan tajuk tesis sangat penting kerana menentukan tajuk itu relevan atau tidak. Pertemuan bersemuka berlanjutan selama banyak siri yang dirancang atau tidak dirancang dan sebaiknya perbincangan dua hala dilakukan dalam situasi harmoni. Kebaikan strategi bersemuka, pelajar tidak mudah bosan kerana fungsi penyelia bertindak sebagai pemudahcara agar pelajar mencapai tahap sangat faham tentang penulisan tesis. Menurut Hamimah Salleh & Marlina Abdul Manaf (2017), penyelia memberi cadangan kepada pelajar pasca siswazah tentang kaedah pengujian teori dan konsep kajian yang sesuai. Penyelia juga memastikan tajuk tesis pelajar mempunyai kajian lepas yang masih relevan. Jika objektif kajian itu sangat luas, maka calon perlu melimitasi kajian agar skop perbincangan lebih berfokus dan menjawab objektif kajian. Calon tidak mungkin dapat memenuhi sesuatu objektif kalau skop kajian itu tidak boleh diukur menggunakan parameter yang sesuai.

Berdasarkan temubual R1, beliau merupakan pelajar Master Of Education, Universiti Teknologi Mlaysia (UTM), semester tiga, bidang Social Sciences & Humanities pengkhususan Management And Administration. Berkaitan strategi pelajar menyelesaikan pengajian, R1 menjelaskan:

Bagi saya, pelajar harus sering berjumpa pensyarah penyelia. Penyelia pula kena selalu bertanya khabar tentang perkembangan penulisan tesis.

Berdasarkan temubual R2 merupakan pelajar Phd semester enam, bidang **Syariah (Fiqh Semasa), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan**, Universiti Sains Malaysia (USM). Berkaitan perkara pertemuan dengan penyelia bagi menyelesaikan pengajian R2 menjelaskan:

Pelajar wajib bersemuka dengan penyelia dalam apa jua keadaan bagi membimbang pelajar cara penulisan tesis dan jurnal berkualiti, sesuai dengan tema penulisan dan kaedah membaiki komen penilai (R2).

Berdasarkan temubual R1 dan R2, mereka bersetuju berbincang dengan penyelia berkaitan kaedah pemilihan tajuk tesis kerana penyelia lebih berpengalaman dalam pemilihan tajuk tesis. Proses pertemuan pelajar bersama penyelia hendaklah saling hormat menghormati, bimbingan tajuk berfokus dan saling meletakkan rasa tanggungjawab yang tinggi antara guru dan murid. Menurut Kamarul Azmi (2010), dalam keadaan tertentu, pelajar perlu akur dengan pandangan penyelia walaupun pelajar tidak setuju. Ini sebagai tanda hormat kepada penyelia yang diberi tanggungjawab menyelia tesis. Pertemuan bersemuka bersama penyelia bertujuan untuk bimbingan tesis berkualiti. Dengan demikian, pelajar siswazah mendapat banyak

manfaat berpandukan pandangan ini agar mereka dapat menyelesaikan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

Komitmen Terhadap Belajar

Ahmad Thamrini Fadzlin (2020) menjelaskan bahawa pembelajaran diperingkat ijazah tinggi memerlukan calon yang memiliki kemauan mencari ilmu yang tinggi. Mereka juga hendaklah mempunyai komitmen dan jati diri yang kental. Ini kerana pelajar perlu mengharungi pelbagai rintangan yang bakal ditempuhi. Antara contoh kurang bersemangat dalam diri seperti pelajar gagal mendapat bahan rujukan yang diperlukan menyebabkan emosi yang tidak stabil, tiada motivasi dalam diri sendiri, masalah penulisan tesis yang tidak jelas dan pelajar bermasalah dengan penyelia yang tidak sehaluan.

Responden R3, pelajar Master semester dua, **Pengajian Pengurusan Bencana Alam** (UUM). Pelajar sepenuh masa, mendapat tajaan kewangan dari sebuah institusi kewangan terkemuka. Apabila ditanyakan tentang komitmen dalam pembelajaran, R3 menjelaskan:

Manusia seringkali mengalami simptom malas belajar, apatah lagi tempoh yang panjang. Untuk itu, saya cuba release tension dengan menghadiri seminar dan meminta pandangan penyelia tentang apa yang perlu dibuat..

Menurut Siti Radhiah (2017), semangat pelajar juga luntur kerana menghadapi karenah birokrasi ketika dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Sementara itu, Tala Michelle K. E. (2018) mengatakan pelajar siswazah perlu berjuang bagi mendapat segulung ijazah yang pakar dalam sesuatu bidang dan untuk mencapainya memerlukan pengorbanan jiwa yang tinggi. Untuk itu mereka perlu bekerja keras bagi mendapatkan ilmu tersebut. Bagi menyahut cabaran itu, pelajar pasca siswazah perlu tanamkan dalam jiwa mereka menuntut ilmu peringkat master dan Phd dalam kepakaran masing-masing adalah suatu tuntutan dalam agama. Pelajar pasca siswazah hendaklah berazam untuk cemerlang dalam pencapaian akademik. Oleh itu mereka boleh menceburi bidang pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka. Dengan demikian mereka dapat meningkatkan taraf ekonomi hidup mereka di masa mendatang.

Menurut He, Y., & Hutson, B. (2018), pelajar yang ingin berjaya dalam pengajian pascasiswazah hendaklah bersedia menerima kritikan membina dari penyelia, kawan-kawan dan pensyarah lain. Cassuto, L. (2013) mengatakan dalam penulisan tesis memerlukan gaya bahasa dan seni yang tersendiri. Penyelidik yakin ramai pelajar tidak bersedia menerima kekurangan diri masing-masing sebab sifat keegoan yang terlampau. Kemungkinan latar belakang pendidikan responden yang kurang bergaul dalam masyarakat menyebabkan mereka sering bersendirian walaupun sudah berada di pengajian tinggi. Mereka malu bertanya kepada senior tentang penulisan tesis. Curt Thompson (2018) menjelaskan termasuk dalam ego ialah pelajar sukar membuang sifat malu untuk bertanya orang yang lebih tahu. Itu adalah tanda salah satu sifat orang sompong. Jika sikap ini tidak dinyahkan dalam diri, ia merugikan pelajar itu sendiri.

Sokongan Moral

Merujuk kepada panduan Sekolah Pengajian Siswazah (2018), sokongan moral bermaksud pelajar mendapat dokongan secara tidak langsung daripada penyelia, kawan-kawan, ibubapa bagi tujuan menyiapkan pengajian. Pelajar pasca siswazah sangat memerlukan sokongan moral daripada penyelia, staf university dan ahli keluarga terdekat bagi memberi semangat agar selesai pengajian dengan segera.

Berdasarkan temubual R4, merupakan pelajar Phd semester tujuh, bidang Undang-Undang dan **Shariah, Universiti Sains Islam Malaysia** (USIM). Apabila ditanyakan tentang strategi menyelesaikan pengajian dari aspek sokongan moral, R4 menjelaskan:

Walaupun pelajar dah dewasa, namun sokongan moral terutama penyelia, ahli keluarga terdekat dan kawan-kawan sangat penting bagi memberi semangat dan dokongan moral agar kita cepat siap studi.

Berdasarkan dapatan temubual R4, pelajar pasca siswazah menzahirkan rasa bimbang tidak dapat menyelesaikan pengajian pada tempoh waktu yang diprogramkan kerana terdapat banyak halangan dihadapi oleh pelajar. Menurut Julita (2015) antara rintangan yang hadapi oleh pelajar pascasiswazah ialah karenah penyelia, birokrasi staf university, berjauhan dengan ahli keluarga ibubapa, suami, isteri termasuk anak-anak. Ketika mereka bergelut dengan bebanan akademik dan penyelidikan tesis, sokongan moral dan mental dari masyarakat sekeliling amat diperlukan sebagai strategi berkesan menyelesaikan pengajian.

Penyelidik berpandangan bahawa penyelia sewajarnya meransang fikiran pelajar supaya mereka mampu menyelesaikan pengajian dalam tempoh waktu minimum. Bagi mencapainya, penyelia hendaklah saling membantu pelajar seperti membantu membuat kerangka konsep kajian, menyemak borang kajiselidik, persediaan viva tesis, penulisan jurnal dan urusan yang berkaitan dengannya. Pelajar merasai suatu kepuasan dapat berbincang mengenai penulisan tesis bersama penyelia. Penyelia juga seorang yang mengambil tahu tentang perkembangan atau aktiviti harian pelajar. Jika pelajar menghadapi masalah bagi mendapatkan sumber kajian, penyelia sedia menghulurkan bantuan seperti mencadangkan lokasi yang sesuai untuk mendapatkan sumber kajian.

Faktor Kewangan

Menurut Alecia, P.A.S., & Anuar, A. (2017) pelajar hendaklah memiliki kewangan yang mencukupi untuk pelbagai perbelanjaan semasa di universiti. Wang diperlukan untuk pembelian buku, bayaran yuran semester, membiayai kos makan minum dan kos pengangkutan harian. Bagi pelajar yang mempunyai sumber kewangan mencukupi, mungkin tidak menjadi halangan. Yasmin H. A. & Anuar Ahmad (2017) mengatakan pelajar yang tiada sumber kewangan menjadi faktor penghalang menyelesaikan pengajian mereka di universiti.

Berdasarkan temubual R5, pelajar Master semester lima, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (UPSI). Apabila ditanyakan tentang faktor kewangan pelajar siswazah menyelesaikan pengajian, R5 menjelaskan:

Saya sangat perlukan wang untuk membeli laptop yang berkualiti. Ini bagi memudahkan kelas pengajian secara online termasuk menggunakan aplikasi tele-conferencing.

Menurut Aisyah Abdul Rahman & Wajeeha Zulkifly (2016), pelajar disarankan membuat kerja sampingan seperti pembantu juru jual, pembantu pam minyak, perniagaan online berasaskan internet, pengajar sambilan kelas tuisyen dan pekerjaan yang sesuai dengan tahap kemampuan seseorang. Hamizatun Akmal dan Norzaini Azman (2013) mencadangkan kepada pelajar pasca siswazah supaya menyusun jadual harian secara praktikal. Ini penting bagi memastikan jumlah masa bekerja dan belajar yang seimbang dan membolehkan mereka menyelesaikan pengajian dengan cepat. Menurut Nordin, H & Singh, D. (2018) bekerja sambil belajar adalah sangat perlu bagi pelajar pasca siswazah mendapatkan sumber kewangan. Kini terbukti ramai pelajar siswazah dapat menyelesaikan pengajian mereka kerana memiliki kewangan yang mencukupi bagi menyelesaikan pengajian mereka di universiti.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, penyelidik menyimpulkan bahawa kaedah bersemuka dengan penyelia kadar kekerapan seminggu sekali adalah sangat praktikal. Tempoh masa penyeliaan tesis tidak melebihi satu jam setiap kali pertemuan. Pelajar pasca siswazah yang tidak dapat menyelesaikan pengajian mereka dalam tempoh yang ditetapkan memberi beberapa implikasi seperti bertambah beban kewangan dimana mereka perlu membayar yuran semester, kos sewa rumah, makan minum, pengangkutan dan sebagainya. Jika pelajar bermasalah dengan penyelia, penyelidik menyarankan supaya gantikan penyelia yang memahami masalah pelajar, saling tolong menolong dan melengkapkan antara satu sama lain. Penyelia juga berkepentingan bagi menggraduatkan pelajar mereka. Oleh itu, sokongan moral sangat penting diberikan kepada pelajar pasca siswazah agar dapat menyelesaikan pengajian dengan segera. Hasil kajian ini bermanfaat kepada penyelia tesis, pensyarah dan staf sokongan universiti yang terlibat bagi melahirkan para graduat tepat pada waktunya (*graduat on time*).

Penghargaan

Terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi dana untuk aktiviti penyelidikan ini Grant No: 2017-0313-107-01.

Rujukan

Agenzia Kelayakan Malaysia. (2015). Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran. Petaling Jaya: Bahagian Standard Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Ahmad Thamrini Fadzlin Syed Mohamed, Ahmad Fahimi Amir, Nur Khadirah Ab. Rahman, Emily Abd Rahman, Afifah Quraishah Abdul Nasir. Preparing For Phd: Exploring Doctoral Students' Preparation Strategy. (2020). *International Journal for Researcher Development* Publisher: Emerald Publishing Limited. Vol. 11 No. 1, pp. 89-106. <https://doi.org/10.1108/SGPE-03-2019-0038>.

Aisyah Abdul Rahman & Wajeeha Zulkifly. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (Determinants of Financial Management: The Case of Universiti Kebangsaan Malaysia Students. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (2), 85-94.

Alecia, P.A.S., & Anuar, A. (2017). Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA Dan IPTS. *International Conference on Global Education*. Vol. 4, (2) 1-20.

- Cassuto, L. (2013). Ph.D. Attrition: How Much Is Too Much? *The Chronicle Of Higher Education*. Last Retrieved (3 July 2014) <http://chronicle.com/article/phd-attrition-how-much-is/140045/>
- Curt Thompson. (2018). *The Soul of Shame: Retelling the Stories We Believe About Ourselves*. InterVarsity Press.
- Darmono. (2002). *Completing Thesis in One Semester*. Bandung: Grasindo.
- Hamimah Salleh & Marlina Abdul Manaf. (2017). Pengintegrasian Pembelajaran Teradun Dalam Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work Based Learning) *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, Vol. 1 Issue 1 (Special Issue - NaCoSC'17).
- Hamizatun Akmal & Norzaini Azman. (2013). Perkaitan Antara Pengurusan Masa dan Stres Dalam Kalangan Pelajar Siswazah di Ipta, dalam *Jurnal AJTLHE* Vol. 5, No.1, 50-60.
- He, Y., & Hutson, B. (2018). Exploring and leveraging Chinese international students' strengths for success. *Journal of International Students*, 8(1), 87–108.
- J. Helmi, (2015). Teacher Professional Competence. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, No. 2, Vol. 7, 32-40.
- Julita. (2015). *Observation Factors In Completion Of Thesis Students In The Department Of Family Welfare*. Thesis Master, Faculty of Engineering, Padang State University, Indonesia.
- Kamarul Azmi. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Laporan Kajian Pengesahan Graduan 2018*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelarasaran Dasar, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2018). Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2017/2018.
- Marilyn Simon & Jim Goes. (2013). Scope, Limitations And Delimitations, Includes excerpt from Simon & Goes, *Dissertations and Scholarly Research: Recipes for Success* Seattle, WA: Dissertation Success, LLC.
- Mohajan, Haradhan Kumar. (2018). Qualitative Research Methodology in Social Sciences and Related Subjects: *Journal of Economic Development, Environment and People*. Vol. 1, 2. 10-18.
- Munir, A., & Muhamad, N. (2019). Cabaran Pembelajaran Pelajar Lepasan Ijazah Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20 (2), 1-15.
- Nordin, H & Singh, D. (2018). E-Learning In Institute Of Higher Education From The Perspective Of Generation Y and Culture), *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*. Volume 8, Issue 2, 16-34.
- Sekolah Pengajian Siswazah. (2018). *Police And Code Of Practice Learning And Pasca Education Students School Study School*. Skudai: Post-Graduate Learning and Teaching Policies, Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Radhiah Hamsar & Ab. Samad Kechot (2017). Bureaucracy In Arts Organization: A Case Study Of Kuala Lumpur City Hall Music Unit. *Jurnal Melayu*, Bil. 16 (2) 2017, 147 - 162.
- Tala Michelle K. E. (2018). International Graduate Students' Challenges and Learning Experiences in Online Classes. *Journal of International Students*, Volume 8, Issue 4 (2018), pp. 1722–1735.

Wolf, D. M., & Phung, L. (2019). Studying in the United States: Language Learning Challenges, Strategies and Support Services. *Journal of International Students*, 9(1), 211-224. <https://doi.org/10.32674/jis.v9i1.273>.

Yasmin H. A. & Anuar Ahmad (2017). *Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Mahasiswa*. Prosiding dalam seminar International Conference on Global Education V Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity, UKM.